

Sikap Guru Dan Pelajar Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Matapelajaran Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik

Christina Andin @ Nur Qistina Bt Abdullah & Anis Hayati Binti Abdul Halim
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia.

Abstrak : Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti sikap pelajar dan guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik. Kajian ini melibatkan dua buah sekolah di negeri Kedah dan Pulau Pinang iaitu Sekolah Menengah Teknik Kulim dan Sekolah Menengah Teknik Nibong Tebal. Sampel kajian terdiri daripada 170 orang pelajar dan 15 orang guru yang terlibat dengan mata pelajaran teknikal. Instrument kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik. Nilai kebolehpercayaan instrument kajian ini adalah $\alpha = 0.873$. Data dan maklumat yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) versi 12.0 serta analisis deskriptif berbentuk frekuensi dan peratusan. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan pelajar dan guru bersikap negatif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik. In terbukti apabila hasil kajian mendapati pelajar dan guru mempunyai persepsi yang negatif dan mereka tidak dapat menerima penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal. Walaubagaimanapun, pelajar dan guru mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk membolehkan mereka mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal. Semua aspek perlulah dipertingkatkan agar ada nilai tambahnya. Ini memainkan peranan penting supaya pelajar dan guru lebih bermotivasi terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik (SMT).

Katakunci : sikap pelajar dan guru, penggunaan Bahasa Inggeris, mata pelajaran teknikal.

Pengenalan

Penguasaan sesuatu bahasa dalam pengajaran akan mempengaruhi proses pembelajaran pelajar. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik dapat menjadikan pelajar lebih berminat mengikuti proses pembelajaran dan ini memerlukan seseorang itu mempunyai tahap penguasaan yang tinggi terhadap sesuatu pembelajaran (Atan, 1998).

Menurut Abdullah (1995) yang menyatakan seseorang itu tidak harus memandang Bahasa Inggeris dengan sikap negatif iaitu sebagai bahasa kolonial atau bahasa penjajah, tetapi memandang sebagai bahasa yang dapat membawa manfaat, sebagai bahasa dunia, bahasa tamadun, bahasa ilmu dan bahasa yang boleh menghubungkan kita dalam beratus-ratus juta penduduk dunia.

Penguasaan pelajar dalam Bahasa Inggeris memberi kelebihan kepada pelajar itu sendiri dalam menerokai pelbagai ilmu secara mendalam dan memudahkan pelajar tersebut apabila melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Pelajar yang menguasai dua bahasa mempunyai kelebihan kognitif berbanding pelajar yang boleh bertutur dalam satu bahasa sahaja (Bochner, 1996).

Dalam wawancara bersama wartawan Hassan Mohd Noor dan Noor Azam Shairi (3 April 2005), Menteri Pelajaran Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein Onn menyatakan bahawa melihat kepada senario antarabangsa, pasaran ekonomi global dan peluang masa depan, kuasa Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu yang kepantasan sebarannya dapat disaingi oleh Bahasa Melayu. Maknanya hanya dengan menguasai bahasa itu kita akan dapat menguasai ilmunya. Penguasaan Bahasa Inggeris saintifik melalui Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) boleh meningkatkan keupayaan murid dan guru meneroka serta mengakses ilmu

pengetahuan yang berasaskan sains dan teknologi seluas-luasnya melalui médium seperti jurnal, buku, rancangan televisyen, laman web dan *courseware* berbahasa Inggeris.

Berdasarkan kepada kajian di atas, didapati banyak kepentingan dalam penggunaan Bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran di mana ia banyak memberi faedah yang sangat berguna kepada seseorang pelajar.

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti persepsi pelajar-pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik
2. Mengenalpasti penerimaan pelajar-pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik.
3. Mengenalpasti kecenderungan pelajar-pelajar untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik.
4. Mengenalpasti persepsi guru-guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik
5. Mengenalpasti penerimaan guru-guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik.
6. Mengenalpasti kecenderungan guru-guru untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik.

Kepentingan Kajian

Kajian ini amat berguna pada para guru, ibu bapa, pelajar dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

Guru

Kajian ini penting pada guru-guru teknikal kerana dapat membantu pelajar-pelajar menguasai Bahasa Inggeris dengan mengadakan kelas tambahan Bahasa Inggeris. Kelas ini sangat penting untuk meningkatkan penguasaan pelajar-pelajar di samping meningkatkan tahap penguasaan guru-guru yang terlibat. Ini kerana, guru yang akan mengajar mestilah menguasai mata pelajaran tersebut terlebih dahulu. Guru-guru juga digalakkan menggunakan Bahasa Inggeris di dalam kelas sebagai salah satu usaha membantu pelajar menguasai bahasa tersebut. Diharapkan juga, guru-guru dapat melahirkan pelajar yang terdiri dari golongan teknokrat yang boleh menyumbang ke arah pembangunan negara dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Ibu Bapa

Di harapkan ibu bapa dapat memberi sumbangan berbentuk kewangan kepada anak-anak untuk menghadiri kelas tuisyen Bahasa Inggeris di luar sekolah seperti Pusat Tuisyen Arunlee dan sebagainya. Kemungkinan besar, pelajar-pelajar akan menghargai sumbangan tersebut dan seterusnya cuba menguasainya. Selain itu juga, ibu bapa juga boleh mengambil inisiatif menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pertuturan di rumah. Ia juga dapat dijadikan sebagai satu usaha kepada ibu bapa untuk memahami dan mementingkan penggunaan bahasa tersebut di rumah.

Pelajar

Para pelajar juga akan dapat meningkatkan penggunaan Bahasa Inggeris mereka iaitu dengan menghadiri tuisyen atau kelas tambahan yang dianjurkan oleh pihak sekolah serta membuat latihan untuk meningkatkan penguasaan dan pembacaan mereka dalam Bahasa Inggeris.

Kementerian Pelajaran Malaysia(KPM)

Pihak KPM boleh memperbaiki kelemahan dan kekurangan serta menambahkan kebaikan dalam kurikulum untuk kepentingan guru dan pelajar. Selain itu juga, pihak KPM boleh mengadakan kursus, program dan aktiviti yang bertujuan untuk memantapkan tahap penguasaan, minat serta sikap guru untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris.

Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini adalah berkaitan dengan penggunaan Bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran teknikal sepenuhnya pada tahun 2006/2007. Fokus penyelidikan adalah untuk mengetahui sikap para guru dan pelajar berhubung persepsi, penerimaan dan kecenderungan para pelajar dan guru terhadap pengajaran mata pelajaran teknikal menggunakan Bahasa Inggeris. 10

Kajian ini hanya akan dilaksanakan di dua buah sekolah luar bandar di daerah Nibong Tebal dan Kulim. Kajian ini terbatas kepada subjek yang terdiri daripada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik yang mengambil subjek teknikal dan guru-guru yang mengajar subjek yang berkenaan sahaja. Kajian ini dijalankan menggunakan satu set soalselidik sebagai instrument.

Rekabentuk Kajian

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif. Menurut Mohd Majid (1994), kaedah deskriptif adalah yang sesuai digunakan di dalam penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang berlaku. Ia melibatkan pengumpulan data deskriptif iaitu latar belakang responden dan mengenalpasti sikap pelajar dan guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris di dalam mata pelajaran teknikal. Statistik deskriptif digunakan bagi menghurai ataupun membuat ringkasan pada maklumat ataupun data yang diperolehi bagi populasi ataupun sampel. Ia biasanya digunakan oleh para penyelidik bagi membuat ringkasan pada data yang mempunyai kuantiti yang besar (Azizi et. al, 2007). Statistik deskriptif mengandungi carta, graf, jadual dan sebagainya sebagai salah satu cara bagi meringkaskan kuantiti data yang besar supaya lebih mudah difahami.

Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar dan guru-guru teknikal yang mengambil dan mengajar kursus Pengajian Kejuruteraan Awam (PKA), Elektrik (PKE) Mekanikal (PKM) dan Perdagangan (PD). Pengkaji menggunakan rawak berkelompok dengan mengambil 25% responden bagi setiap kursus. Kursus yang mempunyai bilangan pelajar yang ramai, akan diwakili oleh pelajar yang ramai manakala kursus yang bilangan pelajaranya tidak ramai, akan diwakili oleh sedikit pelajar sahaja. Jumlah populasi adalah seramai 680 orang, manakala jumlah sampel adalah 245 orang. Jumlah sampel yang diambil adalah sesuai mengikut jadual persampelan Krejch dan Morgan (1970) dalam Cheng (2003). Manakala guru pula terdiri dari 15 orang.

Instrumen Kajian

Instrument yang digunakan di dalam kajian ini adalah merupakan soal selidik. Mohd Majid (1994) menyatakan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya. Penggunaan soal selidik adalah lebih praktikal dan sesuai digunakan untuk populasi yang besar. Selain daripada itu, kaedah soal selidik lebih mudah mendapatkan kerjasama daripada responden. Mereka bebas memilih dan menyatakan pendapat serta dapat menilai mengikut kehendak soalan. Terdapat dua bahagian di dalam soal selidik ini iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A merupakan bahagian yang berkaitan dengan maklumat peribadi responden. Antara item-item yang dimuatkan dalam bahagian A ialah kursus, jantina, agama, bangsa dan keputusan Bahasa Inggeris semasa Penilaian Menengah Rendah (PMR) bagi pelajar. Di dalam bahagian A ini, responden hanya perlu menandakan (/) untuk memilih jawapan yang dikehendaki. Jadual dibawah menunjukkan jenis soalan yang dikemukakan dalam bahagian A iaitu berkaitan latar belakang responden.

Bahagian B pula adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan dengan sikap guru dan pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris di dalam mata pelajaran teknikal. Aspek yang dikaji adalah mengenai persepsi, penerimaan pelajar dan guru serta kecenderungan pelajar dan guru mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal penggunaan di Sekolah Menengah Teknik (SMT).

Maklumbalas untuk Bahagian B dinilai melalui Skala Likert lima mata ukuran. Mata ukuran ini disusun mengikut sejauhmana kecenderungan responden sama ada Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS) terhadap aspek-aspek di atas.

Kajian Rintis

Kajian rintis adalah bertujuan untuk menguji instrument dari segi isi kandungan, kesahan dan kebolehpercayaan. Kesahan membawa maksud data yang diperolehi adalah melambangkan apa yang diukur (Mohd Najib Ghafar, 1998 dalam Shahrul (2003).

Manakala kebolehpercayaan pula ialah ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara di mana skor yang sama atau hampir sama diperolehi apabila dilaksanakan sebanyak dua kali pada subjek yang sama (Syaharom Abdullah, 1990). Mengikut Mohd Najib (1999), nilai alpha 0.8 ke atas merupakan satu nilai kebolehpercayaan item di tahap boleh di terima pakai. Ini menunjukkan item-item yang digunakan adalah boleh difahami dan sesuai digunakan. Manakala Mohd Majid (1994) menyatakan, meskipun tiada batasan khusus yang boleh digunakan bagi menentukan pekali kebolehpercayaan yang sesuai bagi sesuatu alat ukur, pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6 sering digunakan dan menjadikan rujukan paling minimum untuk diterima.

Di dalam kajian ini, penyelidik telah memilih tiga orang pelajar Tingkatan Lima serta tiga orang guru yang mengajar/mengambil mata pelajaran teknikal secara rawak di Sekolah Menengah Teknik Sungai Buloh. Berdasarkan analisis kajian rintis yang telah dibuat, nilai Alpha Cronbach yang didapati adalah 0.873 bagi kedua-dua soalselidik dan ia berada di tahap yang memuaskan. Ini menunjukkan soalselidik ini boleh diterima.

Apakah persepsi para pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam matapelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek persepsi pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 49.8% di mana pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris ini.

Ini terbukti apabila pelajar menyatakan mereka kurang meminati mata pelajaran teknikal yang di ajar dalam Bahasa Inggeris (81.7%). Sebagai kesinambungannya, mereka juga berasa tidak seronok jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (77.1%). Selain itu, mereka menyatakan Bahasa Inggeris tidak mampu menyampaikan ilmu teknikal dengan lebih berkesan (74.7%). 55.3% pelajar berpendapat bahawa pengajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris tidak mampu menjadikan mereka pelajar yang kreatif dalam mencari ilmu. 50.6% pelajar menyatakan keputusan peperiksaan mereka tidak memberangsangkan dalam mata pelajaran teknikal yang di ajar dalam Bahasa Inggeris. Pelajar juga berpendapat bahawa mereka sangat sukar untuk menjelaskan contoh harian yang berkaitan dengan tajuk yang di ajar dalam Bahasa Inggeris (45.9%). 45.8% pelajar menyatakan pengajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris tidak dapat mengurangkan perasaan rendah diri di kalangan pelajar. Mereka juga berpendapat bahawa pengajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris membebankan mereka untuk memahami ilmu teknikal dengan lebih mendalam (43.5%). Mereka juga menyatakan ilmu mata pelajaran teknikal tidak sesuai di ajar dalam Bahasa Inggeris. Akhir sekali, 35.3% pelajar menyatakan mereka tidak selesa belajar mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris. Sebagai kesimpulannya, pengajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Teknik sukar dilaksanakan kerana pelajar-pelajar mempunyai persepsi yang negatif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris ini.

Adakah pelajar-pelajar menerima penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek penerimaan pelajar terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 30.7% di mana mereka tidak menerima perubahan ini.

Hal ini dapat di lihat dengan jelas apabila 65.3% pelajar menyatakan mereka boleh mendapat kejayaan yang cemerlang jika mata pelajaran teknikal tidak di ajar dalam Bahasa Inggeris. 49.4% pelajar menyatakan mereka sukar untuk memahami konsep-konsep mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, 46.5% pelajar menyatakan mereka lebih faham jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Melayu. 41.2% pelajar menegaskan mereka menghadapi masalah untuk memahami mata pelajaran teknikal yang di ajar dalam Bahasa Inggeris. Sebagai penutup, pelajar menyatakan meeka lebih menumpukan perhatian jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Melayu.

Adakah pelajar-pelajar cenderung untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek kecenderungan pelajar mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 66.2%.

Bagi membolehkan mereka belajar mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris, mereka cenderung untuk mengikuti kursus-kursus khas seperti kemahiran berkomunikasi (78.8%), membaca (75.8%) , mendengar (70.6%) serta menulis (75.9%).

Apakah persepsi guru-guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek persepsi guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 49.2% di mana guru-guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris ini.

Ini terbukti apabila guru-guru menyatakan mereka tidak seronok jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (73.3%). Mereka juga menyatakan Bahasa Inggeris tidak mampu menyampaikan ilmu teknikal dengan lebih berkesan (66.6%). 53.4% guru-guru menyatakan bahawa keputusan peperiksaan pelajar mereka tidak memberangsangkan jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris. Selain itu, guru-guru menyatakan bahawa mereka sangat sukar untuk menjelaskan contoh harian yang berkaitan dengan tajuk yang di ajar dalam Bahasa Inggeris (53.3%). 46.7% guru menyatakan pelajar mereka tidak meminati mata pelajaran teknikal yang di ajar dalam Bahasa Inggeris. 46.6% guru pula berpendapat bahawa ilmu mata pelajaran teknikal tidak sesuai di ajar dalam Bahasa Inggeris serta pengajaran mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris membebankan guru-guru untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran. Guru-guru menegaskan mereka tidak mampu menghidupkan suasana yang gembira semasa mengajar mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris.

Adakah guru-guru menerima penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek penerimaan guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 39.0% di mana mereka tidak menerima perubahan ini.

Berdasarkan dapatan kajian di atas, dapat di lihat dengan jelas apabila guru-guru menegaskan bahawa pelajar mereka tidak faham jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (60%). Tambahan pula, pelajar-pelajar mereka tidak dapat menumpukan perhatian jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (53.3%). Mereka juga menyatakan pelajar mereka tidak boleh mendapat kejayaan yang cemerlang jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (53.3%). Selain itu, mereka menegaskan bahawa mereka sangat sukar untuk menerangkan konsep-konsep mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris (53.3%). 40% guru menyatakan pelajar mereka menghadapi masalah untuk memahami mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris. Akhir sekali, guru-guru menyatakan bahawa pelajar mereka tidak suka mengambil bahagian jika mata pelajaran teknikal di ajar dalam Bahasa Inggeris (33.3%).

Adakah guru-guru cenderung untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik?

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata peratusan bagi aspek kecenderungan guru mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik ialah 59.3%.

Bagi membolehkan mereka mengajar mata pelajaran teknikal dalam Bahasa Inggeris, mereka cenderung untuk mengikuti kursus-kursus khas seperti kemahiran berkomunikasi (73.3%), membaca (53.3%) , mendengar (63.4%) serta menulis (53.3%). Mereka juga bersedia untuk mengaplikasikan Bahasa Inggeris dalam kelas semasa mengajar mata pelajaran teknikal.

Rumusan Kajian

1. Rumusan terhadap aspek persepsi pelajar dan guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik mendapati pelajar dan guru mempunyai persepsi yang negatif terhadap penggunaan Bahasa Inggeris ini.
2. Rumusan terhadap aspek penerimaan pelajar dan guru terhadap penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik menunjukkan mereka tidak menerima perubahan ini.

3. Rumusan terhadap aspek kecenderungan pelajar dan guru mengaplikasikan penggunaan Bahasa Inggeris dalam mata pelajaran teknikal di Sekolah Menengah Teknik menunjukkan mereka mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk mengaplikasikannya.

Rujukan

- Asmah Omar. (1992). *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaluddin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahman Hamdan (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia. PTS Profesional. Bahagian Teknik dan Vokasional. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia
- Baker, C. (1994). *Attitude and Language*. Clevedon : Multilingual Matters Ltd. Kementerian Pendidikan Malaysia. (1989). *Asas Perkaedahan Mengajar Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Crow dan Crow (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Datuk Dr. Ismail Ibrahim (25 November 1994). *Tumpuan Matematik*. Berita Harian.
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Bharu: Universiti Teknologi Malaysia
- Esah Sulaiman (2003). *Asas Pedagogi*. Johor Bharu: Cetak Ratu Sdn. Bhd.
- Fasold (1999) dalam Nur Azura bt Mahin (2007). *Persepsi Pelajar-Pelajar Tingkatan Lima Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Pengajaran Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Elektrik Di Sekolah Menengah Teknik*. Tesis Fakulti Pendidikan, UTM.
- Jordan (1940) dalam Neila Ramdhani (1999). *Sikap & Beberapa Definisi Untuk Memahaminya?*. (<http://neila.staff.ugm.ac.id/wordpress/wpcontent/uploads/2008/03/definisi.pdf>)
- Krejcie , P.V and Morgan D.W (1970). *Determining Sample Size For Research Activities*. Educational and Psychological Measurement.
- Hassan Mohd Noor dan Noor Azam Shairi (3 April 2005), *Melayu Tidak Akan Tercicir Penguasaan Bahasa Inggeris Sainifik Akan Mengangkat Martabat Bangsa*. Utusan Malaysia.
- Ismail Sulaiman (2005). *Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Pelajar-pelajar Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Tingkatan 2, Sekolah-sekolah Menengah Daerah Pontian*. Tesis: Fakulti Pendidikan, UTM.
- Marhalim Hashim (1992). *Tinjauan Persepsi Sikap dan Minat Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Matapelajaran Fizik*. Latihan Ilmiah: Fakulti Pendidikan, UKM.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noor Syuhaila Hj. Ismail Basha (2003). *Gaya Pengajaran Guru Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Lukisan Kejuruteraan Di Sekolah-sekolah Negeri Melaka*. Tesis: Fakulti Pendidikan.
- Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP), *Rangka Rancangan Jangka Panjang ke-9 (2006-2010)*. Diperolehi daripada <http://www.moe.gov.my/pipp/>
- Staats dan Staats dalam Fishbein, M. and I. Ajzen (1975) *Beliefs, Attitudes, Intentions, and Behavior: An Introduction to Theory and Research*. Reading, MA: Addison-Wesley.
- Taib (1998) dalam Nadhira Sofia (2007). *Persepsi Pelajar Tingkatan Empat Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Lukisan Kejuruteraan di Sekolah Menengah Teknik dalam Bahasa Inggeris*. Tesis Fakulti Pendidikan, UTM.
- Young (1956) dalam Infokripsi <http://www.infokripsi.com/Article/Pengertian-Persepsi.html>
- Zanna, Kiesler, dan Pilkonis (1970) dalam Neila Ramdhani (1999). *Sikap & Beberapa Definisi Untuk Memahaminya?*. (<http://neila.staff.ugm.ac.id/wordpress/wp-content/uploads/2008/03/definisi.pdf>)